



Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com

Risiko ancam keselamatan data

APAKAH jenis-jenis risiko yang mengancam keselamatan data dalam dunia siber?

- WAK, SEMERAH.

SECARA umumnya terdapat tiga jenis risiko yang mengancam keselamatan data berbentuk digital atau prasarana teknologi maklumat iaitu kelemahan atau *vulnerability*, ancaman atau *threat* dan serangan atau *attack*. Kelemahan dan ancaman ini bersifat pasif dalam prasarana teknologi maklumat. Namun begitu, perlu dicari jalan penyelesaiannya sebelum ia menjadi aktif. Serangan pula merupakan sejenis risiko yang bersifat aktif.

Seterusnya dibincangkan setiap jenis risiko yang berupaya mengancam keselamatan prasarana teknologi maklumat. Ia boleh melangkaui keselamatan data yang sangat bernilai bagi sebuah organisasi atau syarikat.

● Kelemahan atau *vulnerability* - Ia merupakan apa sahaja perkara yang bersifat kelemahan pada sesuatu prasarana dan perkhidmatan teknologi maklumat yang digunakan. Kelemahan ini boleh wujud dalam aspek reka bentuk, konfigurasi, pelaksanaan atau pengurusan dalam prasarana teknologi maklumat yang menjadikan ia mudah terdedah kepada ancaman. Kelemahan adalah apa yang membuat prasarana teknologi maklumat mudah terdedah kepada kehilangan maklumat dan masalah masa rosak atau *down time*.

● Ancaman atau *threat* - Ancaman dalam dunia siber adalah apa-apa yang boleh mengganggu operasi, fungsi, integriti, ketersediaan bagi segala jenis prasarana dan perkhidmatan teknologi maklumat. Ini boleh mengambil apa-apa jenis bentuk. Ancaman ini boleh datang secara jahat oleh sesiapa yang tidak bertanggung jawab, secara tidak sengaja atau disebabkan oleh kejadian semula jadi.

● Serangan atau *attack* - Serangan adalah teknik tertentu yang digunakan untuk mengeksloitasi kelemahan yang sedia ada dalam prasarana teknologi maklumat. Sebagai contoh, ancaman yang boleh menjadi penafian perkhidmatan atau DoS.

Kelemahan ini wujud dalam reka bentuk sistem pengoperasian, dan serangan yang boleh dilakukan adalah seperti serangan *ping of death*. Terdapat dua kategori utama serangan iaitu bersifat pasif atau aktif.

